



11 Jun 2021  
11 June 2021  
P.U. (A) 264

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

PERINTAH PENGANGKUTAN JALAN  
(LARANGAN PENGGUNAAN JALAN)  
(JALAN PERSEKUTUAN) (NO. 7) 2021

*ROAD TRANSPORT (PROHIBITION OF USE OF ROAD)  
(FEDERAL ROADS) (NO. 7) ORDER 2021*

DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987

PERINTAH PENGANGKUTAN JALAN (LARANGAN PENGGUNAAN JALAN)  
(JALAN PERSEKUTUAN) (NO. 7) 2021

BAHAWASANYA melalui P.U. (B) 310/2021 yang disiarkan pada 28 Mei 2021, notis telah diberikan mengenai niat untuk membuat suatu perintah di bawah seksyen 70 Akta Pengangkutan Jalan 1987 [*Akta 333*]:

DAN BAHAWASANYA tiada apa-apa bantahan yang diterima oleh Menteri Kanan Kerja Raya terhadap pembuatan perintah itu:

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 70 Akta, Menteri Kanan Kerja Raya, setelah memberi pertimbangan kepada perkara yang disebut dalam subseksyen 70(2) Akta, membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pengangkutan Jalan (Larangan Penggunaan Jalan) (Jalan Persekutuan) (No. 7) 2021**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 15 Jun 2021.

**Larangan**

2. Pemanduan kenderaan di atas bahagian jalan yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual Pertama sebagaimana yang ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua, melainkan di atas jalan arah yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual Pertama, bagi tempoh yang dinyatakan dalam ruang (3) Jadual Pertama, dilarang.

## JADUAL PERTAMA

| (1)<br><i>Jalan yang baginya<br/>Larangan Terpakai</i>                                                                                               | (2)<br><i>Jalan Arah</i>                                                                                                                                        | (3)<br><i>Tempoh Larangan</i> |
|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------|
| Sebahagian Laluan FT 074, Jalan Taiping – Kuala Sepetang dari seksyen 0.10 hingga seksyen 1.375 sebagaimana yang ditunjukkan dalam peta Jadual Kedua | Kenderaan dari Kuala Sepetang ke Taiping hendaklah menggunakan jalan sehalu dari seksyen 0.10 hingga 1.375 sebagaimana yang ditunjukkan dalam peta Jadual Kedua | Bermula dari 15 Jun 2021      |
|                                                                                                                                                      | Kenderaan dari Taiping ke Kuala Sepetang hendaklah menggunakan jalan sehalu Pihak Berkuasa Tempatan sebagaimana yang ditunjukkan dalam peta Jadual kedua        |                               |